

09 SEP 2003

Sri Lanka-Pelaburan (Bergambar)/I

SRI LANKA MENJANGKA LEBIH BANYAK PELABURAN DARI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Sri Lanka menjangkakan menerima lebih banyak pelaburan dari Malaysia terutamanya dalam sektor infrastruktur dan pelancongan, kata Perdana Menteri Sri Lanka Ranil Wickremesinghe di sini hari ini.

Beliau berkata sementara pelabur asing yang selalunya melabur berdasarkan keputusan perniagaan, pelaburan mereka di Sri Lanka akan juga bermakna melabur dalam proses keamanan negara itu.

Wickremesinghe yang tiba hari ini untuk lawatan kerja dua hari, berkata perkara itu dibincangkan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa mereka mengadakan pertemuan di Putrajaya petang ini dan pada mesyuarat peringkat menteri sebelum itu, sebagai sebahagian daripada usaha memperbaiki kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara.

"Lawatan saya ini khas untuk berjumpa dengan Dr Mahathir, untuk mengucapkan terima kasih di atas semua bantuan Malaysia kepada Sri Lanka ketika menghadapi kesusahan," beliau memberitahu satu persidangan media di sini.

"Saya juga mengkagumi Dr Mahathir kerana cara beliau menjadikan Malaysia seperti negara yang ada sekarang," kata beliau.

Wickremesinghe akan menyaksikan majlis mendatangi Memorandum Persefahaman antara Sri Lanka dan Malaysia esok untuk pembinaan lebuh raya bertol pertama negara itu yang menghubungkan dua buah bandar raya terbesar, Colombo dan Kandy.

Mengenai rundingan keamanan dengan Pemberontak Harimau Pembebasan Tamil Elam (LTTE) untuk menamatkan konflik etnik selama 20 tahun di negara pulau itu, kata beliau kedua-dua pihak dijangka memulakan semula rundingan sama ada bulan ini atau bulan depan.

Rundingan antara kerajaan Sri Lanka dengan LTTE dibatalkan Februari lepas bagi membenarkan LTTE mengkaji cadangan kerajaan untuk mengadakan pentadbiran interim di utara dan timur negara itu berdasarkan formula perkongsian kuasa di bawah sistem kerajaan persekutuan.

Wickremesinghe berkata rundingan keamanan akan datang dijangka "pusingan sukar" yang akan menentukan rundingan politik di masa akan datang antara kedua-dua pihak.

Beliau berkata pusingan awal rundingan itu pada asasnya untuk membolehkan kedua-dua pihak mengenali antara satu sama lain dan bagi menyetujui prinsip isu-isu yang umum.

Menjawab soalan sama ada beliau akan menemui pemimpin LTTE, Vellupillai Prabhakaran "secara bersemuka", Wickremesinghe berkata beliau tidak percaya ini perlu kerana pada peringkat ini bagi beliau ialah untuk bermesyuarat "pertemuan empat mata".

"Saya tidak percaya mesyuarat "pertemuan empat mata" akan menyelesaikan masalah. Saya tidak percaya dua orang boleh menyelesaikan isu yang sudah lama itu."

"Rundingan damai mengenai isu itu masih dijalankan. Saya tidak percaya masalah politik Sri Lanka boleh diselesaikan pada satu mesyuarat sahaja," kata beliau.

-- BERNAMA

AT AU MFJ BK